

membasuh kaki kirinya. Sesudah selesai semuanya itu, beliau pun berkata:
“Demikianlah saya melihat Rasulullah s.a.w berwudhu’.”

بَابُ التَّسْمِيَةِ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَعِنْدَ الْوَقَاعِ

8 – Bab: Tasmiyah (Mengucapkan Bismillah) Ketika Memulakan Segala Pekerjaan (Yang Baik) Dan Ketika Hendak Bersetubuh¹⁵

١٣٨ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي الْجَعْدِ عَنْ كُرَيْبٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ يُلْغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَتَى أَهْلَهُ قَالَ بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا فَقُضِيَ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ لَمْ يَضُرَّهُ

138 - 'Ali bin 'Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir meriwayatkan kepada kami daripada Mansur daripada Salim bin Abi Al-Ja'd daripada Kuraib daripada Ibnu 'Abbaas. Beliau mengangkat hadith ini kepada Nabi s.a.w (mengaitkan hadits ini sebagai sabda Nabi s.a.w), Baginda bersabda: “Kalaupun seseorang daripada kamu ketika akan mendatangi isterinya membaca: بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا (dengan nama Allah, jauhkan kami daripada syaitan dan jauhkan syaitan daripada apa yang engkau kurniakan kepada kami), niscaya syaitan tidak dapat memudharatkan anaknya jika ditaqdirkan mereka berdua mendapat anak¹⁶.”

¹⁵ Mengucapkan Bismillah sebelum berwudhu' adalah fardhu di sisi Ahlil Hadits. Melalui Hadits Al-Bab (hadits di dalam bab ini) Imam Bukhari mahu membuktikan bahawa jika sebelum bersetubuh pun dituntut supaya membaca Bismillah, maka lebih-lebih lagi dituntut membacanya sebelum seseorang itu berwudhu' kerana ia adalah 'ibadat khusus. Walaupun di sana terdapat hadits yang berbunyi: لَا وَضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ Bermaksud: “Tiada wudhu' bagi orang yang tidak menyebut nama Allah (bertasmiyah) sebelumnya”, tetapi Imam Bukhari tidak mengemukakannya di sini kerana ia tidak menepati syarat beliau.

¹⁶ Maksudnya ialah dengan berkat 'Tasmiyah' atau bacaan Bismillah anaknya tidak akan dapat dikuasai Iblis dan syaitan, malah ia termasuk di kalangan orang-orang yang tersebut di dalam firmanNya ini:

إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

Bermaksud: Sesungguhnya hamba-hambaKu (yang beriman Dengan ikhlas), tiadalah Engkau (hai iblis) mempunyai sebarang kuasa terhadap mereka (untuk menyesatkannya); cukuplah Tuhanmu (Wahai Muhammad) menjadi Pelindung (bagi mereka) [Al-Israa':65]. Boleh jadi juga ia bermaksud syaitan tidak akan dapat merasuk atau menjejaskan 'aql dan tubuh badannya.

بَابُ مَا يَقُولُ عِنْدَ الْخَلَاءِ

9- Bab: Apa Yang Diucapkan Seseorang Ketika Hendak Memasuki Tempat Membuang Air.

١٣٩ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ عَبْدِ الْعَزِيزِ بْنِ صُهَيْبٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا يَقُولُ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ قَالَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ تَابَعَهُ ابْنُ عَرَبَةَ عَنْ شُعْبَةَ وَقَالَ غُنْدَرٌ عَنْ شُعْبَةَ إِذَا أَتَى الْخَلَاءَ وَقَالَ مُوسَى عَنْ حَمَّادٍ إِذَا دَخَلَ وَقَالَ سَعِيدُ بْنُ زَيْدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَدْخُلَ

139 - Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada `Abdul `Aziz bin Shuhaib, katanya: saya mendengar Anas berkata: "Nabi s.a.w apabila (hendak) masuk ke tempat membuang air, mengucapkan: "Ya Allah, aku berlindung denganmu daripada syaitan-syaitan jantan dan syaitan-syaitan betina."

Ibnu `Ar`arah menjadi mutabi` kepadanya daripada Syu`bah. Ghundar berkata, (diambilnya) daripada Syu`bah: "Apabila seseorang pergi ke tempat membuang air". Musa berkata, (diambilnya) daripada Hammad: "Apabila dia masuk". Sa`id bin Zaid (pula) berkata: `Abdul `Aziz meriwayatkan kepada kami: "Apabila seseorang hendak masuk".

بَابُ وَضْعِ الْمَاءِ عِنْدَ الْخَلَاءِ

10- Bab: Meletakkan Air Pada Tempat Membuang Air.

١٤٠ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا هَاشِمُ بْنُ الْقَاسِمِ قَالَ حَدَّثَنَا وَرْقَاءُ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي يَزِيدَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْخَلَاءَ فَوَضَعَتْ لَهُ وَضُوءًا قَالَ مَنْ وَضَعَ هَذَا فَأُخْبِرَ فَقَالَ اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

140 - 'Abdullah bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: Hasyim bin Al-Qasim telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Warqa' meriwayatkan kepada kami daripada 'Ubaidillah bin Abi Yazid daripada Ibnu 'Abbaas , bahawa Nabi s.a.w masuk ke tempat membuang air, lalu saya meletakkan air untuk Beliau bersuci. (Setelah keluar) Nabi s.a.w bertanya: "Siapakah yang meletakkan air ini?" Maka diceritakanlah kepada Beliau. Lantas Nabi s.a.w mendoakan (untuk Ibnu 'Abbaas): "Ya Allah! Berilah faham yang mendalam kepadanya tentang agama¹⁷."

باب لَا يُسْتَقْبَلُ الْقِبْلَةَ بِغَائِطٍ أَوْ بَوْلٍ إِلَّا عِنْدَ الْبِنَاءِ جِدَارٍ أَوْ حَوْوٍ

11- Bab: Tidak Boleh Mengadap Qiblat Ketika Membuang Air Besar Atau Air Kecil, Kecuali Dekat Binaan, Dinding Atau Seumpamanya.

١٤١ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذَيْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَزِيدَ اللَّيْثِيِّ عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الْغَائِطَ فَلَا يَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ وَلَا يُؤَلِّهَا ظَهْرَهُ شَرْقًا أَوْ غَرْبًا

141 - Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Abi Zi'b meriwayatkan kepada kami, katanya: Az-Zuhri meriwayatkan kepada kami daripada 'Atha' bin Yazid Al-Laitsi daripada Abi Ayyub Al-Anshari, katanya, Nabi s.a.w bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu pergi ke tempat membuang air, maka janganlah dia mengadap qiblat dan janganlah (juga) dia membelakanginya (pada ketika membuang air itu). (Tetapi) Mengadaplah ke arah timur ataupun barat¹⁸."

¹⁷ Doa Nabi s.a.w ini dimaqbul Allah kerana kemudiannya Ibnu 'Abbaas telah menjadi seorang yang sangat 'alim tentang Al-Qur'an dan As-Sunnah di mana beliau menjadi tempat rujukan para sahabat dan tabi'in r.a.

¹⁸ Perintah ini hanya ditujukan kepada penduduk Madinah atau penduduk-penduduk lain yang mana qiblat mereka ialah di sebelah utara atau selatan.

بَابُ مَنْ تَبَرَّزَ عَلَى لَبَتَيْنِ

12- Bab: Orang Yang Membuang Air Dengan (Duduk) Berpijak Di Atas Dua Biji Batu Bata.

١٤٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ مُحَمَّدٍ بْنِ يَحْيَى بْنِ حَبَّانَ عَنْ عَمِّهِ وَاسِعِ بْنِ حَبَّانَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ إِنَّ نَاسًا يَقُولُونَ إِذَا قَعَدْتَ عَلَى حَاجَتِكَ فَلَا تَسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَلَا بَيْتَ الْمَقْدِسِ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ لَقَدْ ارْتَفَعْتُ يَوْمًا عَلَى ظَهْرِ بَيْتٍ لَنَا فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى لَبَتَيْنِ مُسْتَقْبِلًا بَيْتَ الْمَقْدِسِ لِحَاجَتِهِ وَقَالَ لَعَلَّكَ مِنَ الَّذِينَ يُصَلُّونَ عَلَى أَوْرَاقِهِمْ فَقُلْتُ لَا أَذْرِي وَاللَّهِ قَالَ مَالِكٌ يَعْنِي الَّذِي يُصَلِّي وَلَا يَرْتَفِعُ عَنِ الْأَرْضِ يَسْجُدُ وَهُوَ لَاصِقٌ بِالْأَرْضِ

142 - 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Sa'id daripada Muhammad bin Yahya bin Habban daripada bapa saudaranya Waasi' bin Habban daripada 'Abdullah bin 'Umar bahawa beliau berkata: "Orang ramai mengatakan apabila engkau duduk untuk membuang air maka janganlah engkau mengadap Qiblat dan janganlah (juga) mengadap Baitulmaqdis. 'Abdullah bin 'Umar berkata: "Pernah pada suatu hari saya naik ke atas bumbung rumah kami, tiba-tiba saya ternampak Rasulullah s.a.w sedang duduk berpijak di atas dua biji batu bata dengan mengadap Baitulmaqdis untuk membuang air. Dan dia (Ibnu 'Umar) berkata (kepada Waasi'): "Barangkali engkau ini termasuk di kalangan orang-orang yang bersembahyang dengan melekatkan punggung-punggung mereka ke lantai". Saya (Waasi') berkata: "Saya tidak tahu, demi Allah (apa maksudnya) ¹⁹." Malik menjelaskan: "Maksudnya ialah orang yang

¹⁹ Kata Waasi' murid Ibnu 'Umar: "Bahawa saya benar-benar tidak tahu dan tidak faham siapakah kalangan yang dimaksudkan oleh Ibnu 'Umar dengan kata-katanya di atas.

bersembahyang dalam keadaan tidak terangkat punggungnya dari lantai. Dia sujud dalam keadaan punggungnya melekat di lantai²⁰.”

باب خُروجِ النساءِ إلى البرازِ

13- Bab: Orang-orang Perempuan Keluar Ke Tanah Lapang (Untuk Membuang Air).

١٤٣- حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أَرْوَاجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُنَّ يَخْرُجْنَ بِاللَّيْلِ إِذَا تَبَرَّزْنَ إِلَى الْمَنَاصِعِ وَهُوَ صَعِيدٌ أَفِيحٌ فَكَانَ عُمَرُ يَقُولُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْجُبْ نِسَاءَكَ فَلَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُ فَخَرَجَتْ سَوْدَةُ بِنْتُ زَمْعَةَ زَوْجُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً مِنَ اللَّيَالِي عِشَاءً وَكَانَتْ امْرَأَةً طَوِيلَةً فَتَادَاهَا عُمَرُ أَلَا قَدْ عَرَفْنَاكَ يَا سَوْدَةُ حِرْصًا عَلَى أَنْ يَنْزِلَ الْحِجَابُ فَأَنْزَلَ اللَّهُ آيَةَ الْحِجَابِ

حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَدْ أُذِنَ أَنْ تَخْرُجْنَ فِي حَاجَتِكُنَّ قَالَ هِشَامٌ يَعْنِي الْبِرَازَ

143 - Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Uqail telah meriwayatkan kepadaku daripada Ibnu Syihab daripada 'Urwah daripada Aisyah, "Bahawa isteri-isteri Nabi s.a.w selalu keluar pada waktu malam ke Manashi' iaitu kawasan tanah lapang (yang menghala ke perkuburan Baqi') apabila mereka hendak membuang air. 'Umar telah beberapa kali berkata kepada Nabi s.a.w: "Hijabkanlah isteri-isterimu". Tetapi Rasulullah s.a.w tidak menurut kata-katanya. Pd suatu malam Saudah binti Zam'ah isteri Nabi s.a.w keluar

²⁰ Menurut Malik, kata-kata Ibnu 'Umar itu merupakan kinayah (bahasa sindiran) kepada kalangan orang-orang jahil yang tidak tahu tentang tatacara sembahyang. Seolah-olahnya beliau berkata kepada muridnya Waasi' bahawa: "Engkau ini memang sangat-sangat jahil tentang Sunnah kerana tidak mengetahui tentang adanya perbezaan di antara membuang air di tanah lapang dan di dalam binaan atau di tempat-tempat yang mempunyai hadangan. Yang dilarang Nabi s.a.w mengadap atau membelakangi qiblat pada ketika membuang air itu ialah di tanah lapang atau di kawasan terbuka bukannya di kawasan-kawasan tertutup.